

19 OCT 2003

MCA-Calon

MCA KEKAL BANYAK MUKA LAMA SEBAGAI CALON PILIHAN RAYA UMUM

SUBANG, 19 Okt (Bernama) -- MCA, parti kedua terbesar dalam komponen Barisan Nasional (BN), akan mengekalkan kebanyakan muka lama sebagai calon pilihan raya umum akan datang, kata Timbalan Presiden Datuk Chan Kong Choy hari ini.

Chan, yang juga pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya MCA berkata keputusan mengekalkan kebanyakan muka lama dan mencalonkan hanya beberapa muka baru adalah keputusan biasa parti itu.

"Kita tidak membuat perubahan sekadar untuk bertukar. Kalau nak tukar pun ada sebab-sebab tertentu...Memang ada yang sukarela nak bersara, ada ADUN (ahli dewan undangan negeri) dan MP (anggota Parlimen) sudah berkhidmat begitu lama dan memang ada yang memberitahu pucuk pimpinan bahawa mereka nak berhenti," katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Bangkok untuk menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2003 hari ini.

Beliau berkata parti itu masih dalam proses mengenalpasti calon-calon baru yang berpontensi untuk diketengahkan.

Dalam pilihan raya umum yang lalu, MCA bertanding 35 kerusi parlimen dan 75 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), dan memenangi 28 kerusi parlimen dan 68 kerusi DUN.

Bagaimanapun tiga hari selepas pilihan raya umum 1999, MCA telah mendapat dua kerusi tambahan apabila dua ADUN Gerakan, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Lim Chin Aun (Bayan Lepas), kedua-duanya dari Pulau Pinang menyertai MCA.

Ditanya berapa ramai muka lama MCA yang telah menyatakan hasrat untuk berhenti dan meminta supaya tidak dicalonkan semula, Chan berkata jumlah mereka tidak ramai.

Selain itu, MCA juga dijangka mendapat kawasan baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya dan ini memerlukan parti itu mengenalpasti calon-calon untuk kawasan tersebut, katanya.

Chan berkata: "Sungguhpun belum tentu kawasan baru mana kita akan dapat, tetapi kita telah buat persediaan awal, seperti menentukan calon-calon yang berpotensi."

Antara wakil rakyat MCA yang pernah menyatakan tidak akan mempertahankan kerusi mereka ialah bekas Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang tidak akan mempertahankan kerusi parlimen Labis yang diwakilinya sejak 1986.

-- BERNAMA

AT HK MOZ